

Dr Ong naik pangkat KSU

HM 24/5/08.

KUALA LUMPUR: Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan, Datuk Dr Ong Hong Peng dilantik Ketua Setiausaha kementerian berkenaan, mulai 9 Mei lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, dalam kenyataannya semalam turut mengumumkan pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Ismail Salleh se-

bagai Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, mulai 25 Mei.

Dr Ong, 51, menggantikan Datuk Dr Victor Wee Eng Lye yang bersara wajib mulai 8 Mei lalu manakala Ismail, 55, menggantikan Datuk Dr Micheal Dosim Lunjew yang tamat kontrak perkhidmatannya hari ini.

Dr Ong berkelulusan Ijazah Kedoktoran (Ekonomi), University Michigan

State dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Univesiti Hiroshima, Jepun serta Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia.

Dr Ong, yang menjadi Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1 Disember 1981, sebelum ini pernah berkhidmat di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. - Bernama